

'Perkhidmatan MRT beri banyak manfaat'

Kuala Lumpur: Permulaan operasi Mass Rapid Transit (MRT) semalam, menggembirakan pengguna pengangkutan awam yang sudah lama berdepan kecelaruan sistem pengangkutan awam.

Tinjauan *BH* mendapati, rata-rata pengguna mengharapkan sistem pengangkutan awam terus ditambah baik dari semasa ke semasa.

Pekerja swasta, Juliana Anthony, 56, menyifatkan transformasi pengangkutan awam dan perkhidmatan MRT yang mudah dan cepat dapat mengurangkan kesesakan jalan raya.

"Kemudahan pengangkutan disediakan ini memberi kelebihan kepada orang ramai untuk bergerak kerana ia lebih efektif selain tidak perlu meredah kesesakan trafik terutama pada waktu puncak," katanya.

Penuntut universiti awam, Shahazwan Mat Yusoff, 24, berkata perkhidmatan MRT dapat memberi banyak manfaat kepada rakyat khususnya pelajar.

"Selain itu, dengan adanya stesen MRT di kawasan tumpuan ramai dan pusat beli-belah, ia memudahkan pengguna untuk ke sana selain tidak perlu bersusah



Usaha kerajaan meningkatkan pengangkutan awam adalah tindakan yang tepat pada masanya

N Radha,
Pekerja swasta

payah mencari ruang meletak kenderaan," katanya.

Pekerja swasta, N Radha, 36, berkata usaha kerajaan meningkatkan pengangkutan awam adalah tindakan yang tepat pada masanya.

Kurangkan beban pengguna

"Ia juga dapat mengurangkan beban pengguna terutama kelompok B40 dan miskin bandar," katanya.

Sementara itu, kakitangan awam, Gloria Harry Beaty, 24, berkata, sebagai pengguna pengangkutan awam beliau menyambut

baik operasi MRT yang bermula semalam.

"Apa yang saya harapkan, kerajaan memperluaskan jaringan stesen MRT di lokasi lebih jauh terutama di pinggir bandar Lembah Klang," katanya.

Penuntut kolej swasta, Mohd Yusoff Mohd Adam, 21, berkata diskaun 50 peratus yang diberikan kepada pelajar boleh meringankan kos pengangkutan.

"Sebelum ini, saya terpaksa mengagihkan perbelanjaan dan dengan diskaun berkenaan saya boleh menggunakannya untuk tujuan pembelajaran," katanya.